

02 SEP 2002

Mahathir-Inggeris

PERSATUAN CINA MINTA BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH MENENGAH SAHAJA

PUTRAJAYA, 2 Sept (Bernama) -- Dua pertubuhan mewakili masyarakat Cina yang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta supaya pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris tahun depan hanya dilaksanakan di peringkat sekolah menengah sahaja.

Dr Mahathir berkata Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan Gabungan Persatuan dan Kaum Kerabat Malaysia yang diwakili tujuh persatuan masyarakat Cina berpendapat pelajar sekolah rendah lebih mudah memahami Matematik dan Sains dalam bahasa ibunda masing-masing.

"Tak apalah, kita dengar pendapat mereka dan pendapat semua pihak. Kemudian kita akan kaji semua pendapat itu dengan mendalam," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan selama sejam dengan 20 wakil pertubuhan itu di bilik mesyuarat pejabatnya di sini, petang ini.

Bagaimanapun menurut Dr Mahathir, kedua-dua persatuan itu sependapat dengan kerajaan bahawa tumpuan khusus perlu diberikan untuk meningkatkan mutu penguasaan dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Kedua-dua persatuan itu menyokong usaha kerajaan meningkatkan mutu pembelajaran Bahasa Inggeris dengan mengusulkan pelbagai cara seperti menambah waktu belajar bahasa Inggeris dan kurikulum baru.

Dr Mahathir berkata pada masa yang sama kerajaan sudahpun membuat persediaan untuk mengajar kedua-dua matapelajaran itu dalam bahasa Inggeris tahun depan menggunakan kemudahan teknologi maklumat.

Menurut beliau kaedah pengajaran itu lebih menekankan kepada peranan guru sebagai fasilitator yang akan menggunakan program "course-ware" yang disediakan sebagai kaedah pengajaran, tanpa memerlukan guru menguasai sepenuhnya bahasa Inggeris.

"Dengan cara ini pelajar hanya belajar matapelajaran itu berpandukan program yang ditayangkan di skrin atau dinding sahaja. Guru sebagai fasilitator hanya tekan butang. Kedua-duanya, pelajar dan guru dapat belajar dengan kaedah ini," katanya.

Beliau berkata, apa yang beliau bimbangkan sekarang ialah sama ada kerajaan dapat menyalurkan segala kemudahan "course-ware" serta bantuan teknikal lain kepada sekolah-sekolah berkenaan sebelum penggal persekolahan tahun depan.

Kementerian Pendidikan kini hanya mempunyai kira-kira empat bulan untuk menyediakan segala bantuan yang diperlukan untuk dibekalkan ke semua sekolah.

Dr Mahathir berkata pihak Kementerian kini sedang mengkaji untuk memilih "course-ware" terbaik yang akan digunakan oleh semua sekolah pada tahun depan.

"Kalau kita tidak sempat, kita akan beritahu. Sebarang keputusan akan diberitahu kelak. Apa yang saya harapkan adalah keputusan kerajaan nanti tidak dilihat memihak kepada mana-mana pihak," katanya.

Beliau berkata, kerajaan cuba mengadakan keseragaman dalam pendidikan di negara ini dengan mewujudkan sekolah kebangsaan, namun ia tidak mendapat sambutan.

Menurut beliau hanya dua peratus sahaja kaum Cina menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan manakala kaum India hanya tiga peratus dan kaum Melayu pula lebih suka menghantar anak mereka ke sekolah agama.

Dr Mahathir berkata, apabila kerajaan ingin mengubah atau memperkenalkan sesuatu yang baru dalam sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah lain juga perlu mengikutinya bagi mewujudkan keseragaman.

"Persatuan-persatuan pendidikan Cina harus terima bahawa ini adalah Malaysia, bukan negara China, Taiwan atau Singapura. Oleh itu sistem pendidikannya harus mempunyai "keseragaman", " katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak pernah berhasrat untuk membubarkan sekolah Cina atau sekolah Tamil, dan langkah itu juga tidak dibenarkan oleh perlembagaan negara.

Sementara itu presiden ACCCIM, Tan Sri Lim Guan Teck berkata pihaknya sangat menghargai kesanggupan Perdana Menteri mendengar pandangan mereka berhubung perkara itu.

Menurut Lim pertubuhan itu pada dasarnya bersetuju supaya mutu pengajaran bahasa Inggeris ditingkatkan di sekolah-sekolah.

Bagaimanapun, katanya sekolah-sekolah rendah Cina telah menunjukkan keputusan yang baik dalam matapelajaran Sains dan Matematik dan pertubuhan itu berpendapat ia perlu dikekalkan.

Bagaimanapun pertubuhan itu tidak membantah sekiranya kedua-dua matapelajaran itu akan diajar dalam bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah tahun depan.

-- BERNAMA

AZH RZS PR